

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
27 MEI 2022**

PERKARA : 5(B)(XIX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

1. Nyatakan sudahkah Jambatan Tanjong Berembang diambil alih oleh pihak JKR daripada PDC.
 - (a) Jika tiada, apakah yang menjadikan proses serahan tersebut lewat?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Jambatan Tanjong Berembang belum diambil alih oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) daripada Penang Development Corporation (PDC).
 - (a) Proses serahan tersebut lewat dan mengambil masa yang lama adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:
 - (i) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) antara tahun 2020 hingga 2021 adalah siri kuarantin kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai tindak balas terhadap pandemik COVID-19 di negara ini bermula pada 18 Mac 2020.
 - (ii) Untuk proses penyerahan projek kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah mengemukakan pelan-pelan dan pengiraan reka bentuk kepada JKR Pulau Pinang pada 18 Mac 2021. Mesyuarat pra penyerahan antara PDC dengan JKR juga telah diadakan pada 30 Mac 2021.

- (iii) PDC telah mengemukakan surat niat cadangan penyerahan pada 01 April 2021 kepada JKR. Pihak JKR telah mengeluarkan surat bertarikh 06 April 2021 untuk pihak PDC menyerahkan senarai semak penyerahan jalan dan surat bertarikh 15 April 2021 telah meminta pihak PDC untuk mengemukakan *method statement* pembinaan dan dokumen penyerahan sebelum pemeriksaan tapak dapat dilaksanakan.
- (iv) Pembukaan jambatan untuk kegunaan awam juga telah dilaksanakan pada 01 Mei 2021 selepas kerja baik pulih disiapkan. Pihak PDC telah menyerahkan *method statement* pembinaan dan dokumen penyerahan kepada JKR Pulau Pinang pada 19 Julai 2021.
- (v) Mesyuarat dan lawatan pemeriksaan yang dijadualkan pada 14 hingga 17 September 2021 terpaksa ditangguhkan kerana Negeri Pulau Pinang masih dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) SOP Fasa 2 dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pejabat PDC yang masih tidak membenarkan mesyuarat secara bersemuka diadakan.
- (vi) Mesyuarat dan lawatan pemeriksaan hanya dapat diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2021 bersama pasukan audit JKR Pulau Pinang. Antara ulasan pemeriksaan yang perlu dilaksanakan oleh pihak PDC ialah memasang penutup lurang (*sump cover*). Disebabkan oleh pemasangan penutup lurang tiada dalam skop kerja asal, kerja ini telah dibuat melalui sebut harga. Peruntukan tambahan telah dimohon pada 05 Januari 2022 dan diluluskan oleh JKN pada 28 Januari 2022.
- (vii) Sebut harga untuk kerja ini telah diiklankan bermula 10 Februari 2022 dan ditutup pada 03 Mac 2022. Kelulusan sebut harga telah diperoleh daripada Jawatankuasa Sebut Harga JKN pada 21 April 2022. Kerja pemasangan penutup lurang (*sump cover*) dan kerja baik pulih kecacatan sedang dijalankan di tapak dan dijangka akan disiapkan pada bulan Julai 2022. Penerimaan projek oleh JKR akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2022.

